



**UNIT PEROLEHAN, JABATAN KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN KLUANG**

Sebutharga adalah dipelawa daripada Pembekal dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan berikut :-

Bil	Butir-Butir Tawaran	Tajuk Bekalan / Perkhidmatan	Kementerian Kewangan / Tajuk Kod
1	No. Sebutharga : MPK/599/201/SH-P/19-16	Membekal Bahan-Bahan Pengiklanan Berdasarkan Anggaran Kepenggunaan Majlis Perbandaran Kluang Untuk Tahun 2020.	Kementerian Kewangan – Tajuk Kod 222002 - Media Cetak ATAU 222003 - <i>Billboard</i> ATAU 010401 - Papan Tanda & Aksesori

2. Naskah Dokumen Sebutharga boleh didapati daripada Kaunter 7, Aras Bawah Wisma MPK mulai **03 November 2019 hingga 14 November 2019** dari pukul **8.30 pagi** hingga **4.00 petang**.

3. Penyebutharga mestilah membawa dan menunjukkan kepada pihak kami **Sijil SSM yang sah dan Sijil KKM (Kementerian Kewangan) mengikut Kod Bidang yang berkaitan**. Penyebutharga **juga WAJIB menyediakan satu alamat e-mail dan di tulis dengan betul** pada jadual dokumen pembelian borang sebutharga. Borang sebutharga akan di e-mail dalam tempoh 24 jam daripada masa pembelian. Kesalahan ejaan atau tulisan alamat e-mail menyebabkan penyebutharga gagal mendapatkan borang sebutharga yang dibeli. Andaikata borang sebutharga tidak diterima selepas 24jam, sila e-mailkan tindakbalas anda ke alamat e-mail stormpk2015@gmail.com secepat mungkin. Setiap dokumen sebutharga dijual dengan harga RM 30.00. **Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank atau kiriman wang pos (money order) atau wang kiriman pos berpaling (postal order) dan dibayar atas nama "YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN KLUANG"**. Wang tunai atau cek tidak akan diterima. Wang pembayaran tidak akan dikembalikan.

4. Dokumen Sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Kaunter 7, Aras Bawah Wisma MPK sebelum atau pada tarikh tutup tawaran iaitu **14 November 2019 (Khamis) jam 12.00 tengah hari**. Sebutharga yang lewat diterima, tidak akan dipertimbangkan. Majlis ini tidak terikat untuk menerima sebarang Sebutharga atau Sebutharga terendah dan keputusan Lembaga Sebutharga adalah muktamad.

5. Penyebutharga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Tarikh Iklan : 24 Oktober 2019